

Oleh Shahrin Ramli

Persekitaran Sektor Perbankan yang Mencabar

DALAM Laporan Tinjauan Masa Hadapan 2016: Bank-bank Asia Pasifik, pada Disember tahun lalu, Fitch Ratings meletakkan sektor perbankan Malaysia dalam penarafan negatif pada tahun 2016, berikutan tekanan tinggi terhadap pendapatan dan aset kualiti. Firma penarafan itu turut melihat terdapat kemungkinan pemjamin menghadapi kesukaran untuk menyelaras hutang berikutan penyusutan nilai mata wang yang signifikan sejak pertengahan tahun 2014.

Menurut Fitch Ratings, perkembangan ini akan diterjemahkan kepada pertumbuhan pinjaman yang lebih rendah serta peningkatan kos kredit dalam tempoh satu tahun atau dua tahun akan datang. Firma itu juga meramalkan hutang lapuk yang menunjukkan trend meningkat akan berterusan pada tahun 2016. Tinjauan masa hadapan penarafan firma itu kekal stabil di balik unjuran sektor yang lebih mencabar bersandarkan keuntungan bank serta menampakan kerugian yang menyediakan ruang mencukupi bagi menangkis sebarang peningkatan dalam kos serta kemungkinan berlakunya kemelesetan.

Persaingan yang sangat sengit antara bank juga diramalkan akan meningkat dan memberikan kesan yang ketara.

Pada masa yang sama, firma tersebut tetap memberikan amaran bahawa penarafan terpaksa diturunkan ekoran tekanan ekonomi, peningkatan kadar pengangguran dan kemungkinan berlakunya penarikan balik dalam pemberian pinjaman yang bakal menjelaskan aset kualiti, keuntungan dan modal bank. Fitch Ratings turut berpandangan, faktor harga komoditi yang masih berterusan rendah, permintaan luaran serta kurangnya sentimen domestik dipercayai menjadi punca kelembapan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sehubungan dengan itu, sektor perbankan diunjurkan akan melalui persekitaran yang lebih mencabar pada tahun ini, terutama impak daripada pengurangan pendapatan boleh guna bersih isi rumah akibat kenaikan kos sara hidup. Antara



kesan yang boleh dilihat termasuklah prestasi perniagaan yang agak lemah berikutan kadar pertumbuhan yang tidak berdaya dan kemungkinan besar timbul ketidakbolehan pemjamin membayar hutang. Persaingan yang sangat sengit antara bank juga diramalkan akan meningkat dan memberikan kesan yang ketara, khususnya yang melibatkan kadar keberuntungan sektor perbankan. Hal ini juga mengakibatkan tahap persaingan dalam sektor perbankan akan semakin tinggi, terutama apabila kewangan rakyat serta sektor korporat turut terjejas. Sekali gus memberikan impak kepada aktiviti utama perbankan seperti pinjaman dan deposit.

Dalam hal ini, sektor perbankan perlu menangani isu kos perniagaan yang dijangkakan naik dan harus ditangani melalui kadar keberkesanan keseluruhan operasi perbankan. Hal ini dikatakan demikian kerana persaingan yang tinggi untuk mengejar pinjaman dan deposit juga akan memberikan tekanan kepada margin perniagaan dan menyebabkan keberuntungan sektor perbankan terjejas.

Pada Disember tahun lalu, Laporan Pemantauan Ekonomi Malaysia oleh Bank Dunia melaporkan pertumbuhan ekonomi Malaysia

akan kekal pada 4.7 peratus bagi tahun 2015 dan diunjurkan merosot kepada 4.5 peratus pada tahun 2016, yakni prestasi yang mencerminkan kelembapan permintaan domestik pada tahun 2015 berikutan keadaan fiskal yang lebih ketat yang dijangkakan mendorong keadaan yang berterusan pada tahun 2016 dan tahun 2017.

Pertumbuhan ekonomi dunia secara amnya diramalkan bakal melalui perjalanan yang lebih mencabar pada tahun ini disebabkan oleh harga minyak dunia yang lebih rendah berbanding dengan sebelum ini, kadar pertumbuhan yang rendah dalam kalangan ekonomi terbesar dunia di China dan Eropah, serta ketidaktentuan pasaran kewangan dunia.

Walaupun bagaimanapun, Ketua Pakar Sektor Kewangan Kumpulan Bank Dunia (WBG), Jose de Luna Martinez berkata, Malaysia dilihat berupaya mencapai kadar yang tinggi dalam keterangkuman kewangan sedangkan banyak lagi negara masih ketinggalan. Beliau turut menyatakan bahawa selain keterangkuman kewangan, Malaysia juga memiliki kualiti kawalan atur serta kawalan selia perbankan yang semakin bertambah baik dari semasa ke semasa. Oleh hal yang demikian, Malaysia, menurut

beliau, berada pada landasan yang tepat untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dan sebahagian besarnya bakal dipacu oleh sistem kewangan.

Dalam kenyataannya semasa Sidang Kemuncak Perbankan Malaysia ke-20 yang dianjurkan oleh Institut Kepimpinan dan Strategi ASEAN (ASLI) pada Mei 2016, WBG menyifatkan tahap pembangunan sektor perbankan meliputi seluruh negara ASEAN, berada pada peringkat yang berbeza-beza. Ada dalam kalangan negara anggota ASEAN, Myanmar misalnya, dikatakan masih lagi memerlukan lebih banyak usaha ke arah menubuhkan sistem pembayaran bagi menyokong pertumbuhan sektor perbankan mereka.

Secara lazimnya, pembangunan sistem perbankan, khususnya institusi perbankan domestik, amat signifikan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi serta mendorong proses transformasi ekonomi negara. Dalam situasi penguasaan pasaran yang ketara, kekukuhan sektor perbankan merupakan elemen yang amat penting bagi menjamin kestabilan kewangan, sekali gus menyumbang kepada penguatan daya tahan ekonomi untuk jangka masa panjang.

Namun demikian, kelebihan dari segi pengetahuan yang lebih mendalam tentang pasaran tempatan dalam kalangan peserta industri tidak semestinya dapat menjanjikan daya saing jangka masa panjang memandangkan wujudnya impak secara tidak langsung daripada arus globalisasi dan liberalisasi yang kian meningkat sejak belakangan ini. Keupayaan sektor perbankan domestik bagi memenuhi permintaan yang semakin kompleks dalam keadaan ekonomi yang sentiasa berubah serta sukar diramal, di samping komited untuk mengekalkan pegangan pasarannya, dilihat akan terus teruji dengan meningkatnya persaingan pada peringkat domestik.

Oleh hal yang demikian, keupayaan peserta perbankan domestik untuk terus beroperasi banyak bergantung pada kemampuan institusi masing-masing bagi meningkatkan tahap kecakapan dan keberkesanan dalam penawaran produk supaya setanding dengan peserta bertaraf antarabangsa. Dengan bertambahnya peranan kuasa pasaran, sektor perbankan domestik perlu lebih proaktif untuk menyusun strategi agar dapat bersaing dengan peserta global.

Malaysia juga memiliki kualiti kawalan atur serta kawalan selia perbankan yang semakin bertambah baik dari semasa ke semasa.

Banking Industries - General

pg: 6-8



Kebergantungan terhadap aset tidak nyata, seperti bakat, diberikan perhatian oleh institusi perbankan bagi menempeh kejayaan.

Sehubungan dengan itu, WBG berasakan bahawa perjalanan untuk mencapai integrasi perbankan serantau masih jauh, maka hal ini perlu didorong oleh pelbagai inisiatif lain. Selain itu, antara topik perbincangan lain yang dikemukakan sepanjang sidang kemuncak itu adalah berkaitan dengan isu kepimpinan inovatif perbankan dalam persekitaran yang mencabar dan pengurusan bakat.

Institusi perbankan yang berjaya pada masa depan dilihat turut bergantung pada aset tidak nyata yang melibatkan bakat atau sumber manusia. Dengan persaingan yang semakin sengit, keperluan untuk menarik dan mengekalkan kepakaran dan bakat terbaik dalam kalangan institusi perbankan domestik akan menjadi lebih penting. Oleh itu, sektor perbankan domestik cenderung untuk menguatkan barisan pengurusan sumber manusia.

Dalam pada itu, aspek kawal selia juga mempengaruhi landskap sektor perbankan pada masa akan datang. Perubahan dari segi pendekatan pengawalseliaan lebih terarah kepada matlamat bagi menyediakan persekitaran yang menggalakkan untuk pertumbuhan dan perkembangan institusi perbankan. Faktor utama bagi melahirkan persekitaran tersebut ialah kemampuan institusi perbankan berrespons dengan pantas serta bertindak balas dalam menyelaraskan operasi mengikut peraturan yang baharu.

Dari sudut pengguna pula, perubahan cara pemikiran harus dikembangkan mengikut masa. Pelanggan perlu bertanggungjawab terhadap urusan kewangan mereka sendiri bagi mewujudkan persekitaran yang kompetitif dan merendahkan kos modal. Bagi mencapai matlamat ini, program

penyebaran maklumat yang proaktif harus dilaksanakan agar pelanggan dapat membuat keputusan yang lebih bijak tentang hal kewangan mereka. Ketelusan produk dan institusi perlu ditingkatkan bagi melahirkan kesedaran pengguna yang lebih tinggi terhadap produk bank dan kewangan.

Pada masa yang sama, kefleksibelan yang bernilai tambah dalam proses penentuan harga produk mampu melahirkan pelbagai strategi persaingan yang berlainan antara institusi perbankan, sekali gus membawa faedah kepada pengguna dari segi kos yang lebih rendah. Kemampuan pengguna bagi mempengaruhi pasaran untuk bertindak balas secara positif adalah penting dalam sektor kewangan domestik. Rancangan bagi memupuk persaingan yang lebih sengit dapat diperkenalkan demi menjamin kemunculan peserta industri perbankan domestik yang lebih mantap, efisien dan inovatif.

Walaupun institusi perbankan domestik menguasai sebahagian besar pasaran domestik, pelibatan institusi perbankan asing juga semakin ketara yang dilihat lebih menyerlah dari segi pencapaian kewangan, seperti yang ditunjukkan oleh pulangan atas ekuiti dan pulangan atas aset yang lebih tinggi, kecekapan operasi dan inovasi produk dalam pasaran domestik. Bank asing secara amnya beroperasi berdasarkan sasaran pasaran, iaitu penumpuan terhadap pelanggan korporat yang bernilai tinggi berbanding dengan penumpuan pada pengguna awam dan pelanggan korporat am.

Faktor lain yang mendorong prestasi bank asing yang lebih baik ialah rangkaian global, akses kepada sumber kepakaran dan pengalaman dalam pelbagai pasaran, di samping tahap teknologi maklumat yang lebih tinggi. Oleh itu, terdapat jurang antara institusi perbankan asing dan domestik, yang harus dikurangkan untuk mencapai pembangunan terancang bagi sebuah sektor perbankan domestik yang berdaya maju dan efektif.

Oleh sebab persaingan globalisasi dalam arena antarabangsa yang semakin meningkat, sektor perbankan perlu bersedia untuk menepati liberalisasi yang lebih tinggi kerana persaingan asing baharu. Di samping itu, institusi perbankan domestik harus membuka ruang untuk institusi masing-masing melebarkan operasi dalam pasaran asing. Walau bagaimanapun, peserta industri perbankan yang berhasrat untuk beroperasi di gelanggang yang lebih luas perlu juga bersedia bagi menghadapi persaingan daripada kalangan peserta bukan kewangan baharu untuk terus mengekalkan daya saing mereka. ●

Kemampuan pengguna bagi mempengaruhi pasaran untuk bertindak balas secara positif adalah penting dalam sektor kewangan domestik.